

06 MAR 2000

Mahathir-Bahagian

KEPUTUSAN UMNO BAHAGIAN TAWAU SAH, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 6 Mac (Bernama) -- Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini Majlis Tertinggi (MT) Umno telah memutuskan bahawa keputusan Umno bahagian Tawau menamakan hanya dua calon untuk jawatan Naib Presiden adalah sah.

Perdana Menteri berkata ini kerana keputusan mesyuarat perwakilan bahagian Tawau itu tidak melanggar peruntukan dalam perlembagaan Umno.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat MT, Dr Mahathir bagaimanapun berkata sementara keputusan yang diambil oleh bahagian Tawau itu dikekalkan, bahagian-bahagian lain harus mencalonkan tiga orang untuk mengisi tiga kerusi Naib Presiden itu.

Selain jawatan Naib Presiden, mereka juga harus mencalonkan nama-nama untuk jawatan lain seperti Presiden, Timbalan Presiden dan 25 anggota MT.

"Ini bermakna bahawa mereka harus mencalonkan 'incumbent' (penyandang jawatan) Presiden dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang telah menjalankan tugas-tugas Timbalan Presiden selama ini (bagi jawatan Timbalan Presiden)," kata Dr Mahathir.

Ia selaras dengan nasihat MT sebelum ini supaya kedua-dua jawatan itu tidak dipertandingkan pada pemilihan Umno Mei ini dengan Dr Mahathir mengekalkan jawatan beliau manakala Abdullah, yang kini memegang jawatan Naib Presiden, pula dicalonkan untuk jawatan nombor dua.

Umno bahagian Tawau yang merupakan bahagian pertama mengadakan persidangan perwakilan tahun ini, hanya menamakan Ketua Menteri Sabah Datuk Osu Sukam dan Menteri Besar Negeri Sembilan Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad bagi jawatan Naib Presiden.

Sebanyak 16 bahagian Umno telah mengadakan persidangan perwakilan mereka setakat ini.

Kesemuanya mencalonkan Perdana Menteri untuk jawatan Presiden dan Abdullah sebagai Timbalan Presiden Umno.

Dr Mahathir berkata Umno bahagian Kubang Pasu juga perlu mencalonkan nama-nama untuk semua jawatan kali ini.

Umno bahagian Kubang Pasu yang dipimpin beliau, tidak mencalonkan sesiapa bagi semua jawatan yang dipertandingkan pada pemilihan Umno yang lepas kerana ingin bersikap berkecuali.

Perdana Menteri berkata tidak semestinya jika tiada pertandingan bagi sesuatu jawatan, maka bahagian tidak perlu mencalonkan sesiapa untuk jawatan itu.

"Semua bahagian mesti mencalonkan sepenuhnya (untuk semua jawatan) dan tidak meninggalkan beberapa kekosongan. Mereka mesti mencalonkan nama Presiden, Timbalan Presiden, Naib Presiden dan 25 anggota MT," kata Dr Mahathir.

Ketika ditanya jika mereka yang dicalonkan oleh bahagian-bahagian perlu menyatakan pendirian mereka awal-awal lagi sama ada akan bertanding jawatan berkenaan, Dr Mahathir berkata ia tidak perlu.

"Dia (bahagian) boleh mencalonkan dan kalau orang yang dicalonkan itu tak hendak (bertanding), dia boleh membuat kenyataan dia tak hendak (bertanding) sama ada sekarang atau selepas dia telah mendengar (mengetahui) pencalonan beberapa bahagian yang mencalonkannya," kata beliau.

Beliau berkata adalah menjadi hak seseorang itu untuk menyatakan sama ada dia akan bertanding atau tidak, berdasarkan kepada pencalonan yang diterimanya.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) turut berkata beliau telah mengarahkan supaya persiapan dibuat untuk menghadapi pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Sanggang, Pahang berikutan kematian wakil rakyatnya Datuk Abdullah Kia pada Februari lalu.

Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob akan mengetuai jawatankuasa pusat BN manakala Menteri Besar Pahang Datuk Seri Adnan Yaakob pula akan menyelaras kempen bagi pilihan raya kecil itu.

"Parti-parti komponen BN daripada negeri-negeri lain dikehendaki membantu BN Pahang dalam urusan kempen di Sanggang," kata Dr Mahathir.

Mengenai permintaan Umno bahagian Papar, Sabah supaya kerajaan mengkaji semula sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah antara masyarakat Bumiputera Islam, Bumiputera bukan Islam dan Cina, Dr Mahathir berkata ia merupakan satu syor dan kerajaan akan menimbangkannya.

-- BERNAMA

ES RON